

10 MAR 2003

Johari-Pakej/I

PAKEJ PELANCONGAN MENARIK MENERUSI "DISCOVER SARAWAK"

KUCHING, 10 Mac (Bernama) -- Sarawak mahukan rakyat Malaysia di Semenanjung supaya menyertai pakej menarik "Discover (Kenali) Sarawak" yang menawarkan penginapan tiga hari dua malam, mulai hari ini.

Menteri Pelancongan Sarawak Datuk Seri Abang Johari Tun Openg berkata promosi selama setahun untuk dua orang atau secara berkumpulan pada setiap hari itu, diwujudkan berikutan sambutan baik terhadap kempen "Syok Sarawak", khusus untuk menarik kedatangan rakyat Singapura.

"Pakej ini termasuk penerbangan pergi balik kelas ekonomi dengan Penerbangan Malaysia (MAS), penginapan dua malam beserta sarapan pagi dan pertukaran pergi balik ke lapangan terbang serta lawatan seperti yang dinyatakan dalam aturcara," katanya pada persidangan media di sini hari ini.

Antara pakej yang ditawarkan ialah tiga hari dua malam ke Kuching bernilai hanya RM438, tiga hari dua malam di Pantai Damai (RM475), tiga hari dua malam ke Sibu (RM510), tiga hari dua malam ke Miri/Mulu (RM980) dan tiga hari dua malam ke Borneo Highlands Resort pada hanya RM1,300.

Abang Johari berkata MAS menyediakan pesawat Airbus A330-200 yang mempunyai 42 tempat duduk kelas perniagaan dan 187 tempat duduk kelas ekonomi bagi menjayakan promosi berkenaan.

Beliau turut mengumumkan bahawa MAS akan melakukan penerbangan harian bagi sektor Kuching-Bintulu-Kuching-Kuala Lumpur, mulai 30 Mac ini dengan menggunakan pesawat Boeing 737.

"MAS masih mengkaji kemungkinan mengadakan penerbangan secara terus dari Bintulu ke Kuala Lumpur," kata beliau lagi.

Lapangan Terbang Bintulu berharga RM385 juta yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Disember tahun lepas boleh menampung pesawat MAS yang lebih besar.

Abang Johari berkata satu lagi berita baik ialah mulai 2 Mei ini, MAS akan mengadakan penerbangan Kuching-Canton melalui Kota Kinabalu pada Selasa, Jumaat dan Ahad menggunakan pesawat Boeing 737 dan Airbus.

Beliau berkata MAS juga akan meningkatkan perkhidmatan tambahan pada Isnin, Rabu, Khamis dan Sabtu dari Kuching ke Hong Kong melalui Kota Kinabalu mulai bulan depan.

"Ini merupakan strategi pemasaran MAS bagi menarik rakyat Taiwan dan Korea yang singgah di Kota Kinabalu," katanya.

-- BERNAMA

FLL ROS